

## **Budaya Kesukarelawanan dan Keunikan Etnografi Dapur Jalanan Kuala Lumpur**

Syafiq Sham<sup>1\*</sup>, Doris Padmini Selvaratnam<sup>2</sup>, Haziq Fikri Jasni<sup>3</sup> & El Hanis Harun<sup>4</sup>

<sup>1,2</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM, Bangi Selangor, Malaysia

<sup>3</sup>Universiti Sains Islam Malaysia Bandar Baru Nilai 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>4</sup>Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor Kampus Segamat 85000, Segamat, Johor, Malaysia

\*Corresponding Author

E-mail Address: syafiqsham21@gmail.com

---

### **Abstract**

*Volunteering culture is crucial in shaping the nation's unity in navigating the global setting, especially in a country with multiple ethnicity, culture and religion such as Malaysia. The objective of this study is to understand the volunteering culture practiced by Dapur Jalanan Kuala Lumpur (DJKL) and its ethnography. The data is obtained through the ethnography approach as a participant and observer, together with a set of questionnaires distributed to 295 volunteers affiliated with DJKL. Aside from that, an interview is conducted with a few of DJKL's full-time volunteers and homeless people located at Jalan Panggong. Based on the statistics, a majority of DJKL's volunteers consisted of young women. Besides, DJKL accepts first-timer volunteers for the volunteering programs run by non-governmental organizations (NGO) at the rate of 69 percent, while the remaining 93 percent are volunteers who are not affiliated with any of the established NGOs. The ethnography pattern shows that DJKL practices volunteering activities with an emphasis on environment, ethics, arts and culture. This study suggests an establishment of a 'volunteer pool' to increase the participation of full-time volunteers and collaborate with university students' societies to enhance the volunteering culture. On the final note, a statistic unit for DJKL should be established to allow a more consistent and systematic data management to take place in the organization.*

**Keywords:** Volunteering culture; Homeless; Urban poor, Ethnography; Dapur Jalanan Kuala Lumpur

### **Abstrak**

*Budaya kesukarelawanan penting bagi membentuk perpaduan negara dalam menghadapi persekitaran global yang mencabar terutamanya dalam negara berbilang kaum, budaya dan agama seperti Malaysia. Tujuan kajian ini adalah untuk memahami budaya kesukarelawanan yang diamalkan oleh Dapur Jalanan Kuala Lumpur (DJKL) dan memahami etnografinya. Data yang digunakan diperoleh melalui kaedah etnografi sebagai sukarelawan tetap dan pemerhati serta menggunakan instrumen borang soal selidik yang diedarkan kepada 295 orang sukarelawan yang menyertai program sukarelawan bersama DJKL. Selain itu, temu bual juga dijalankan bersama beberapa sukarelawan tetap DJKL yang lain dan gelandangan (warga miskin kota) di Jalan Panggong. Berdasarkan hasil statistik menunjukkan bahawa majoriti sukarelawan DJKL terdiri daripada golongan belia wanita. Selain itu, DJKL menerima kehadiran sukarelawan yang pertama kali menyertai program kesukarelawanan bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pada kadar 69 peratus manakala 93 peratus tidak pernah menjadi sukarelawan tetap di mana-mana NGO di Malaysia. Hasil etnografi menunjukkan DJKL mengamalkan pelaksanaan aktiviti kesukarelawanan yang mementingkan aspek alam sekitar, etika, seni dan budaya. Cadangan berdasarkan hasil kajian ini adalah dengan melaksanakan pool volunteer bagi meningkatkan penyertaan sukarelawan tetap dan bekerjasama dengan persatuan-persatuan universiti supaya dapat mengembangkan lagi budaya kesukarelawanan. Akhir sekali, menubuhkan unit statistik DJKL supaya proses pengurusan data dapat dilakukan secara konsisten dan sistematik.*

**Kata kunci:** Budaya kesukarelawanan; Gelandangan; Warga miskin kota; Etnografi; Dapur Jalanan Kuala Lumpur

---

## PENDAHULUAN

Received: 10 January 2021  
Accepted: 21 March 2021  
Published: 30 June 2021

Sukarelawan merupakan istilah yang tidak asing pada era pascamoden, berperanan aktif saat dunia bergolak dengan pelbagai masalah jurang sosial yang berpunca daripada konflik agama, politik, ekonomi, budaya dan bangsa. Namun yang membezakannya dengan sejarah lampau adalah perkembangan jurang tersebut kerana faktor penyebab yang bergantung kepada jurang yang dialami oleh sesebuah negara itu berbeza-beza seperti keadaan negara Malaysia sebelum, semasa dan selepas penjajahan British. Akibat daripada tekanan isu ini lebih-lebih lagi apabila kebanyakannegara dunia mula menganut ekonomi pasaran bebas yang dipacu oleh idea persaingan yang berat sebelah dengan pegangan idea kesamarataan yang sempit telah menyebabkan terbentuknya banyak pertubuhan bukan kerajaan (*non-governmental organisation* atau NGO) yang tidak bermotifkan keuntungan seraya tidak mempunyai hubungan dengan mana-mana badan kerajaan. Namun ada juga NGO yang dibiayai oleh kerajaan cuma keahlian bagi pertubuhan tersebut tidak terbuka kepada mana-mana pihak daripada kerajaan. Pertubuhan NGO yang terlibat secara langsung dalam permasalahan masyarakat dapat membantu kerajaan memahami sesuatu isu dengan lebih kritis melalui isu-isu yang disuarakan. Selain itu, penglibatan NGO juga dapat menyebarkan kesedaran kepada masyarakat dan membudayakan aktiviti kesukarelawanan serta melahirkan golongan belia yang peka terhadap masalah negara. Maka setiap NGO mempunyai pelbagai aktiviti kesukarelawanan yang bergantung kepada objektif mereka masing-masing seperti menyediakan makanan kepada gelandangan, bantuan perubatan kepada mangsa peperangan, peluang pendidikan kepada orang asli dan sebagainya.

NGO yang terlibat dalam kajian ini dikategorikan sebagai *soup kitchen*. Secara umumnya *soup kitchen* merupakan program penyediaan makanan kepada orang miskin sama ada secara bungkusan atau hidangan. Dalam memahami naratif sesebuah NGO itu, penyusunan bentuk etnografi sangat penting supaya penceritaannya dapat menghasilkan suatu jalan penyelesaian kepada semua pihak, manakala pemilihan *soup kitchen* sebagai subjek kajian juga boleh meningkatkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap populasi gelandangan kerana golongan ini antara yang lebih gemar terlibat dengan program tersebut. Kelahiran NGO seperti ini adalah tindak balas daripada isu kemiskinan dan kelaparan yang menurut sejarah ia melibatkan dua model bagi mengatasinya iaitu kebajikan dan keadilan (Poppendieck, 1994). Keadilan ialah apabila kita meletakkan sesuatu pada tempatnya seperti meningkatkan tingkat garis kemiskinan daripada RM980 sebulan kepada RM2208 bagi menggambarkan semula realiti kehidupan orang miskin di Malaysia (DOSM, 2020). Model ini terbukti benar kerana kedua-duanya saling berkait rapat supaya suatu polisi dapat dilaksanakan dengan lebih baik kerana kebajikan tanpa keadilan adalah sia-sia, ibarat air yang diisikan di dalam baldi yang bocor sepertimana yang telah terjadi kepada institusi YaPEIM yang pernah terlibat dengan skandal pecah amanah beratus ribu ringgit oleh pihak pemimpin tertinggi walhal tujuan penubuhannya adalah bagi membantu ekonomi orang Islam (Bernama, 2017).

Seterusnya, apakah pula yang dimaksudkan oleh istilah sukarelawan itu sendiri? Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat sukarelawan membawa maksud orang yang melakukan sesuatu secara sukarela di mana perkhidmatan mereka itu tidak memerlukan kelayakan tertentu. Selain itu, Anheier & Salamon (1999) menegaskan bahawa sukarelawan merupakan suatu pekerjaan yang dilakukan tanpa upah manakala Finkelstein et al. (2007) pula menyatakan sukarelawan merupakan individu yang melibatkan diri dengan kerja-kerja amal tanpa mengharapkan sebarang bentuk ganjaran. Walau bagaimanapun, Azizan Bahari (2003) dan Musick & Wilson (2003) berpendapat kesukarelawanan merupakan suatu konsep kerja atau khidmat secara sukarela di mana seseorang yang bekerja bakti dengan rela hati tanpa mengharapkan sebarang ganjaran. Namun definisi Kamus Dewan Edisi Keempat sedikit longgar kerana kini terdapat juga sukarelawan yang memerlukan suatu kelayakan dari segi kemahiran khusus dan kefasihan sesuatu bahasa terutama sekali apabila melibatkan aktiviti kesukarelawanan di luar negara yang semakin tersebar luas akibat daripada perkembangan sistem globalisasi. Justeru, walaupun definisi itu sedikit berbeza tetapi konsep asasnya tetap sama.

Hakikatnya sukarelawan dari segi istilah membawa maksud yang baik dalam membimbing masyarakat tetapi jika perlaksanaannya tidak mempunyai matlamat yang jelas maka ia akan mengeruhkan lagi masalah tersebut. Perkara yang lebih membimbangkan apabila kewujudan program kesukarelawanan gagal dihayati sepenuhnya oleh para sukarelawan yang tidak memahami peranan sebagai sukarelawan itu sendiri hingga menjadikan program berkenaan hanyalah sebagai saluran menunjuk-nunjuk semata-mata lebih-lebih lagi apabila aktiviti kesukarelawanan kini telah menjadi satu gerakan yang sohor kini. Jikalau begitulah budaya kesukarelawanan yang diagungkan oleh negara kita nescaya benarlah kata Pak Sako separuh abad dahulu bahawa orang kita ini sebenarnya-benarnya sudah miskin pada serba serbi cuma yang ada hanyalah sifat suka tunjuk-menunjuk lagi-lagi tunjuk lawa dan tunjuk gaya! (Muhammad, 2014). Selain itu, NGO juga wajib bertindak sebagai medium perantara dengan institusi-institusi yang terlibat kerana menurut Za'aba (2015) organisasi yang gagal menjadi pengantara yang baik akan menjejaskan fungsi sesebuah institusi itu dan bahkan memberi impak yang negatif terhadap negara seperti rasuah, keborosan dan perpecahan. Justeru, NGO haruslah menyediakan panduan yang bersesuaian dengan objektif mereka dengan berdasarkan cita-cita yang lebih tinggi supaya ia dapat memberikan kesedaran manusiawi dan melahirkan sukarelawan yang berfikiran kritis.

Kesimpulannya, tadbir urus NGO di Malaysia masih lagi banyak kelompongan yang perlu diperbaiki seperti pengurusan sumber manusia, makanan, bahan mentah dan lain-lain. Isu yang sedang hangat dibicarakan sehingga kini adalah berkaitan dengan pembaziran makanan dan pencemaran alam sekitar yang disebabkan oleh pemberian sumbangan daripada orang awam yang tidak melalui saluran penyampaian yang betul, operasi NGO *soup kitchen* yang saling bertindan (Sham & Selvaratnam, 2018) dan pembungkusan makanan yang menggunakan polistirena yang boleh menggugat ekosistem alam sekitar. NGO haruslah saling bekerjasama antara satu sama lain dengan melakukan kempen kesedaran kepada orang awam supaya proses sumbangan makanan dapat melalui saluran yang betul agar jumlah pembaziran dapat

dikurangkan. Oleh itu, tujuan utama kertas kerja ini adalah untuk memahami budaya sukarelawan yang diamalkan oleh Dapur Jalanan Kuala Lumpur (DJKL) dan memahami etnografinya yang menimbulkan beberapa persoalan kajian seperti gambaran DJKL sebagai pembentukan budaya, tema kebudayaan, solusi dan populasi gelandangan. Bahagian berikutnya akan mengupas beberapa kajian lepas, diikuti dengan kaedah kajian, hasil kajian dan perbincangan serta cadangan dasar sebelum diakhiri dengan kesimpulan kajian.

## KAJIAN LEPAS

Konsep budaya menurut Macionis (2011) terbahagi kepada dua jenis iaitu kebendaan yang meliputi ungkapan fizikal seperti teknologi, seni bina dan seni manakala bukan kebendaan seperti prinsip organisasi sosial, falsafah, kesusasteraan dan sains yang terdiri daripada warisan budaya tidak ketara masyarakat. Lantas, budaya sukarelawan sangat dipengaruhi oleh kapasiti sumber NGO berkenaan bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti mereka. Contohnya, Antoniano, Santa Caterina Soup Kitchen dan Dover Soup Kitchen menyediakan pelbagai kemudahan kebajikan seperti pakaian, tempat mandi, tempat istirahat dan aktiviti rekreasi bahkan mampu menyediakan makanan setiap hari dari pagi hingga ke petang dengan pelbagai juadah makanan (Musarò, 2013) manakala DJKL hanya mampu menyediakan makanan pada setiap hari Ahad sahaja kerana sumber kewangan dan tenaga manusia yang terhad (Sham & Selvaratnam, 2017). Lantaran itu, dana yang besar mampu membentuk struktur organisasi yang mempunyai pelbagai cabang dengan peranan masing-masing lantas menzahirkan pelbagai budaya seperti Kechara yang mempunyai 13 cabang iaitu Kechara House, Kechara Animal Sanctuary, Kechara Cara, Kechara Discovery, Kechara InMotion, Kechara Lounge, Kechara Media & Publications dan sebagainya (Kechara, n.d.).

Pembawaan ideologi bagi sesebuah *soup kitchen* mempengaruhi pembentukan etnografi dan budaya kerana mereka terdiri daripada latar belakang kelas sosial yang berlainan. Misalnya, latar belakang Food Not Bombs (FNB) terdiri daripada adegan muzik punk manakala Carl's Kitchen (Roman Katolik), Kuala Lumpur Urban Fellowship (Kristian Protestant) dan Kechara (Buddhist) pula organisasi berasaskan agama (Yeoh, 2017). Bahkan negara maju juga mengalami perkara yang sama di mana St. Tabor Soup Kitchen (Miller, Creswell, & Olander, 1998) dan Antoniano (Musarò, 2013) juga diuruskan oleh pusat keagamaan. Selain itu, modus operandi NGO juga menjadi faktor penyumbang kepada pembentukan tersebut. Kemudian, melihat dari sudut operasi pula Pertiwi Soup Kitchen (PSK) dan Kechara lebih kepada konsep pembungkusan makanan manakala DJKL dan St. Tabor Soup Kitchen pula lebih kepada sajian. Selain itu, PSK dan Kechara turut mengedarkan makanan dengan menggunakan van di sekitar kawasan Pusat Bandaraya Kuala Lumpur namun Kechara turut juga menyediakan bungkusan makanan di premis mereka sendiri.

Selain itu, dasar kerajaan juga memberikan kesan terhadap pembentukan *soup kitchen*. Perkara ini terbukti benar apabila bekas Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Utama Tengku Adnan Tengku Mansor telah melarang *soup kitchen* daripada memberikan makanan kepada

golongan gelandangan bagi menangani masalah kebersihan bandar. Beliau juga telah memusatkan operasi mengedar barang sumbangan bagi setiap *soup kitchen* di Pusat Transit Gelandangan dan Anjung Singgah namun terdapat juga *soup kitchen* yang masih tetap keras melawan terhadap perlaksanaan tersebut dengan menjalankan operasi mereka seperti biasa (Sham & Selvaratnam, 2017). Misalnya, DJKL yang masih mengekalkan lokasi agihannya di Jalan Panggong kerana lokasi pusat yang jauh serta lokalitinya yang tidak bersesuaian. Selain itu, menurut Doolan, Cepić & Walton (2019) peralihan dasar ekonomi dari sosialis kepada kapitalis sangat mempengaruhi etnografi sesebuah NGO kerana ia telah mengubah peranan individu yang lebih bersifat individualistik dalam dasar yang digerakkan oleh persaingan. Justeru, sebelum 1990-an kerja kebajikan juga dianggap tidak perlu di negara-negara sosialis seperti di Hungaria dan Poland kerana kerja kebajikan tersebut telah pun disediakan oleh negara berkenaan (Hann, 2014).

Kembali kepada isu Datuk Seri Utama Tengku Adnan, menurut kajian Sham & Selvaratnam (2017) itu lagi, bagi mengelakkan daripada berlakunya pertindihan dan pembaziran makanan institusi kerajaan telah menetapkan waktu operasi bagi setiap *soup kitchen* untuk memberikan sumbangan mereka manakala bagi pengurusan sukarelawan pula adalah berdasarkan budi bicara *soup kitchen* bersama institusi tersebut. Memusatkan semua *soup kitchen* di dalam satu tempat merupakan langkah yang tidak bijak kerana institusi sebesar itu sewajarnya memberikan perhatian kepada penyediaan kebajikan yang jauh lebih penting sepertimana yang dilakukan oleh Renewal Centre di China yang bukan sahaja menyediakan keperluan asas tetapi menyediakan program kemahiran insaniah dengan kerjasama bersama lima syarikat swasta di bawah projek bantuan pusat pekerjaan bagi menyediakan tempat praktikal kepada golongan gelandangan. Tempoh praktikal adalah selama dua bulan dengan elaun sebanyak separuh gaji minimum sebulan untuk melihat prestasi mereka sekiranya sesuai mereka boleh terus bekerja di situ tetapi jika tidak mereka akan diberikan latihan praktikal semula di syarikat swasta yang lain (Zhang & McWhinney, 2012). Justeru, bantuan tersebut tidak hanya sekadar bantuan *one-off* sahaja iaitu memberi dan menerima tetapi lebih kepada bantuan mendidik masyarakat dalam meningkatkan kapasiti individu tunggal.

## KAEDAH KAJIAN

Kaedah etnografi boleh meningkatkan kualiti data luaran kerana ia membantu mengenal pasti kedudukan status penyelidik, keadaan sosial, membentuk premis kajian, pemilihan informan, kaedah pengumpulan dan analisis data. Namun menurut definisi Babbie & Mouton (2001) dan Fine (2003) etnografi mempunyai kredibiliti dalam membuat kajian mengenai tingkah laku sesuatu kumpulan yang dikehendaki bagi meneliti aktiviti yang dilakukan oleh sesebuah NGO itu secara menyeluruh dan sistematik untuk membuat analisis bagi kesemua faktor penyebab dan kesan bagi memahami sejarah, pembangunan dan operasi program tersebut. Penyelidik akan menyertai aktiviti-aktiviti yang telah disediakan oleh NGO tersebut dengan menjadi sukarelawan tetap dan peserta sebagai pemerhati dari mula program sehinggalah tamat.



Selain itu, penyelidik juga merupakan salah seorang ahli jawatankuasa organisasi tersebut yang telah berkhidmat selama hampir 4 tahun jadi ia sedikit sebanyak memudahkan proses kajian ini bagi memahami sesuatu isu itu dengan lebih mendalam kerana menurut Hammersley (2007) etnografi memerlukan seseorang itu untuk tinggal bersama organisasi berkenaan dalam jangka masa yang panjang bahkan bertahun untuk mengumpul maklumat berkaitan dengan cara hidup, kepercayaan serta nilai-nilai mereka yang tersendiri. Seramai 295 orang sukarelawan berkumpul yang menyertai program DJKL pada setiap hari Ahad telah mengambil bahagian dalam kajian ini di mana sukarelawan diminta untuk menjawab borang soal selidik dalam bentuk *open-ended* dan *close-ended* questions. Borang tersebut terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian profil responden dan bahagian penglibatan dengan aktiviti kesukarelawan. Mereka diberi masa untuk menjawab borang itu antara jam 2.00 petang hingga 4.00 petang kerana kebiasaannya pada jam 4.00 petang akan diadakan sesi perkongsian bersama para sukarelawan berkumpul berkaitan dengan isu gelandangan dan DJKL.

Objektif utama borang soal selidik ini diedarkan adalah untuk mengenal pasti profil sukarelawan bagi meningkatkan pemahaman etnografi DJKL secara terperinci kerana menurut Walcott (1994) dengan menggunakan pengabungan deskriptif, analisis dan interpretasi dapat mewakili data etnografi. Justeru, data-data tersebut akan diproses dengan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) bagi menjalankan analisis deskriptif. Etnografi kajian ini melibatkan 3 penceritaan dengan menggunakan Van Maanen's (1988) iaitu "realis", "pengakuan" dan "kritikal" dengan melihat dari sudut gelandangan dan sukarelawan yang terlibat dengan program tersebut seraya melibatkan organisasi *soup kitchen* itu sendiri. "Realis" melibatkan penggunaan melalui pandangan dari sudut persektif yang natural, jelas dan objektif. "Pengakuan" pula fokus kepada pengalaman kerja lapangan penyelidik dan "kritikal" adalah bagi melihat dari sudut isu sosial, politik, simbolik, atau isu ekonomi yang lebih besar.

Penyelidik juga melaksanakan sesi temu bual bersama dengan 10 orang sukarelawan tetap DJKL dan 11 gelandangan di Jalan Panggong sepertimana yang dilakukan oleh Doolan, Cepić & Walton (2019) bagi memperolehi gambaran etnografi yang lengkap dan menyeluruh. Semasa berkhidmat sebagai sukarelawan tetap ia banyak membantu penyelidik dalam mendekati para gelandangan kerana ikatan yang telah terjalin setiap minggu hingga membuka ruang penyelidik bagi mendapatkan kepercayaan mereka serta mengamati tingkah laku setiap gelandangan yang berkunjung ke DJKL. Terdapat juga gelandangan yang sudi berhenti untuk berbual mesra, meluahkan isi hati dan keluhan keperitan hidup bersama penyelidik, justeru secara tidak langsung membuka ruang untuk penyelidik menjalankan sesi temubual secara tidak formal untuk mendapatkan data kajian dengan lebih terperinci. Selepas itu, bagi mengelakkan kekeliruan di antara sukarelawan tetap dan gelandangan penyelidik akan menggunakan singkatan 'ST' (Sukarelawan tetap) bagi merujuk pada setiap pandangan yang diperolehi daripada hasil temu bual bersama mereka. Seterusnya, pandangan tersebut akan dikongsikan di sepanjang penceritaan di dalam bab hasil kajian dan perbincangan. Namun nama para sukarelawan tetap yang digunakan adalah nama pena semata-mata bagi menjaga kerahsiaan dan etika sebagai penyelidik.

Penekanan terhadap perspektif dan kesimpulan daripada para penyelidik yang lepas ke atas *soup kitchen* juga akan dititikberatkan bagi menyokong dapatan kajian yang dijalankan. Hal ini kerana setiap kajian mempunyai keterbatasannya masing-masing untuk dijadikan sebagai rujukan untuk penyelidik pada masa hadapan. Oleh itu, penceritaan etnografi kajian ini bermula dengan analisis deskriptif yang melibatkan profil komuniti Jalan Panggong dan sukarelawan berkumpul serta melibatkan konteks etnografi pembentukan, pengurusan dan usaha sama DJKL dengan NGO yang lain.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Komuniti, Ruang dan Makanan

Secara puratanya seramai 96 orang gelandangan yang hadir ke DJKL di Jalan Panggong setiap minggu. Jumlahnya tidak begitu ramai kerana terdapat juga beberapa *soup kitchen* yang menyediakan makanan percuma pada hari tersebut seperti di Bangkok Bank dan Segi College. Majoriti yang hadir ke Jalan Panggong adalah lelaki (84%) bujang (62%) yang terdiri daripada bangsa Melayu (82%), Cina (12%), dan India (6%) dalam lingkungan umur antara 26 – 45 tahun (76%) yang sebahagian besarnya mempunyai kelayakan akademik hingga ke tahap SPM (Sham & Selvaratnam, 2018). Hasil kajian ini juga menunjukkan sebanyak 56 peratus gelandangan di Jalan Panggong bekerja sendiri yang kebanyakannya pekerjaannya tidak tetap (eg. kutip tin atau besi buruk, angkat barang, susun fail, jaga parkir, berniaga di pasar karat dan menolong kawan berniaga barang-barang *bundle*) manakala hanya 3 orang sahaja yang bekerja di dalam sektor swasta (eg. pengawal keselamatan, pembantu kedai runcit, tukang urut dan tukang sapu) dan 19 peratus pula tidak mempunyai apa-apa pekerjaan. Lantaran itu, kajian ini juga membuktikan bahawa gelandangan di Kuala Lumpur boleh meneruskan kehidupan mereka atas alasan lambakan *soup kitchen*.

Walaupun kebanyakan komuniti yang datang adalah gelandangan namun DJKL lebih gemar mengklasifikasikan mereka sebagai warga miskin kota kerana ingin mengelak daripada berlakunya jurang perhubungan di antara mereka atas alasan istilah tersebut dianggap hina dalam kalangan masyarakat kita di Malaysia. Persepsi itu timbul apabila definisi gelandangan menurut Kamus Dewan Edisi Keempat yang menjadi rujukan masyarakat bagi menerangkan makna kata-kata itu sendiri masih lagi samar-samar dengan mengklasifikasikan mereka sebagai orang yang pekerjaannya atau tempat tinggalnya tidak tetap. Bahkan pihak kementerian juga menyatakan bahawa gelandangan ini kurang kefungsiannya dalam keluarga atau masyarakat kerana terdiri dari penagih dan bekas penagih dadah atau arak, pesakit mental, pendatang asing, tiada pekerjaan tetap, bekas banduan dan tidak mempunyai rumah (Manis, 2016). Jika pemerintah sendiri sudah memberikan persepsi yang buruk terhadap golongan ini maka sekaligus akan mempengaruhi persepsi masyarakat kerana tindak-tanduk penguasa akan diikuti oleh rakyat jelatanya sebagai teladan. Selain itu, DJKL merasakan adalah sesuatu yang tidak adil jika pengkelasan ini dibuat secara pukol rata kepada mereka semua sebagai gelandangan kerana ada juga dalam kalangan

mereka yang mempunyai rumah dan pekerjaan tetapi berhadapan dengan masalah kekurangan pendapatan bagi menampung kehidupan sehari-hari. Bahkan, ada juga yang hadir ke DJKL kerana ingin berjumpa dan bergaul dengan kawan-kawan mereka. Barangkali itulah nikmat yang tidak dapat dinafikan, bak kata Jannah (ST): “Setiap orang ada masalah dan kesunyian yang terpaksa mereka tempuhi setiap hari, justeru, semua orang berhak untuk menikmati kebahagiaan dengan caranya tersendiri”.

Seterusnya, majoriti sukarelawan berkumpul pula adalah terdiri daripada wanita (66.8%), berumur dalam lingkungan 18 hingga 23 tahun (82.4%), berbangsa Melayu (75.6%) dan beragama Islam (78.6%) dengan taraf pendidikan Sarjana Muda (55%). Kebanyakan sukarelawan berasal daripada bandar (75.6%) dan ini membuktikan bahawa kesedaran dalam kalangan orang bandar masih lagi dominan. Hal ini disebabkan oleh akses pendidikan yang memihak kepada orang bandar yang lebih terdedah dengan kemudahan teknologi. Selain itu, hasil pembuktian ini juga menunjukkan bahawa budaya sukarelawan masih lagi dipelopori oleh golongan belia kerana majoriti sukarelawan masih lagi bujang (98%) dan menuntut di institusi pendidikan (97.4%) sepertimana yang telah ditegaskan oleh Oesterle, Kirpatrick & Mortimer (2004), hal ini disebabkan oleh faktor keluarga, pekerjaan dan usia. Namun jika kajian berkaitan dengan profil sukarelawan DJKL dikemaskini semula pasti terdapat sedikit perbezaan kerana DJKL baru sahaja melaksanakan satu program yang dikenali sebagai *Social Impact Experience* di bawah syarikat Airbnb di mana DJKL akan menerima kedatangan pelancong yang berminat menyertai aktiviti kesukarelawanan bersama mereka. Program ini dilaksanakan bagi mengukuhkan lagi sistem kewangan DJKL bagi menampung aktiviti mingguan kerana pelancong berkenaan harus menderma sebanyak RM50 seorang bagi menyertai aktiviti tersebut.

Jadual 1: *Penglibatan dengan Aktiviti Kesukarelawanan*

Item	Bilangan (n=295)	Peratus (%)
Pengalaman terlibat Dengan NGO Sukarelawan		
Ada	92	31
Tiada	203	69
Menjadi Sukarelawan Tetap Bersama NGO		
Ada	22	8
Tiada	273	93
Sumber Maklumat mengenai DJKL		
Kawan-kawan	182	62
Media massa	15	5
Media sosial	76	26
Pameran atau iklan	2	1
Tidak tahu langsung	8	3
Lain-Lain	12	4


Jadual 1 menunjukkan DJKL sering menerima kehadiran responden yang baru kali pertama menyertai program kesukarelawanan bersama dengan NGO iaitu sebanyak 69 peratus. Manakala 31 peratus lagi memberikan maklum balas sebaliknya di mana mereka pernah menyertai NGO seperti Kechara, Kelas Kaseh, PERTIWI, Street Feeders of KL dan sebagainya. Selain itu, sebanyak 62 peratus sukarelawan memperolehi sumber maklumat mengenai program



DJKL melalui kawan-kawan walhal sewajarnya peranan media yang sepatutnya memainkan peranan yang lebih besar dalam hal ini namun penyelidik mengenal pasti bahawa majoriti sukarelawan yang baru kali pertama menyertai aktiviti kesukarelawanan bersama DJKL merupakan kesan daripada sub-budaya universiti berkenaan yang hadir kerana ingin menyelesaikan kerja kursus atau mengikuti program persatuan universiti yang diuar-uarkan oleh senior mereka sepertimana yang tertera pada Rajah 1 di bawah yang menunjukkan kekerapan jumlah kedatangan sukarelawan secara berkumpulan berdasarkan organisasi yang sama daripada tahun 2016 dan 2017. Budaya sukarelawan DJKL lebih kepada budaya *one-off* di mana kehadiran sukarelawan berkumpulan silih berganti tanpa sebarang pengambilan ahli baru bagi meningkatkan jumlah sukarelawan tetap. Perkara ini terbukti benar berdasarkan hasil statistik menunjukkan sebanyak 93 peratus responden tidak pernah menjadi sukarelawan tetap bersama NGO yang lain.

Berdasarkan pemerhatian penyelidik terdapat sukarelawan yang hadir ke DJKL atas nama program universiti semata-mata atau ingin menyelesaikan tugas yang diberikan oleh pensyarah mereka bagi memenuhi syarat bergraduasi yang melibatkan subjek yang berkaitan dengan sains sosial dan komunikasi. Namun menurut pendapat penyelidik selain daripada ingin memenuhi keperluan kerjaya, responden yang mengikuti aktiviti kesukarelawanan atas nama program universiti juga adalah kerana ingin meningkatkan kerjaya mereka sebagai mahasiswa bagi menyandang jawatan penting dalam persatuan-persatuan universiti di mana setiap calon haruslah mempunyai profil yang baik melalui pengalaman yang mereka perolehi sepanjang menjadi mahasiswa di universiti tersebut.

Lantaran itu, tujuan pengalaman bukan sahaja bagi memenuhi peluang pekerjaan sahaja tetapi juga melibatkan peluang-peluang yang lain. Lain pula ragamnya dengan sukarelawan tetap yang konsisten hadir setiap Ahad. Farah yang merupakan tukang masak DJKL merasa terharu apabila komuniti yang hadir memuji dan memberi komen penambahbaikan terhadap masakannya tetapi dari sudut yang lebih dalam bagi Farah: “Melihat mereka gembira, menikmati ketawa bersama dan berkongsi rasa senang bersama sudah cukup untuk membuat kita semua turut merasa bahagia”. Berdasarkan hasil temu bual, penyelidik mendapati tujuan yang dominan dalam sanubari sukarelawan tetap adalah meraikan nilai-nilai murni bersama. Justeru, ia membuktikan bahawa tujuan penglibatan seseorang dalam aktiviti kesukarelawanan menurut teori Clary dan Snyder (1999) iaitu nilai (untuk menyatakan atau bertindak terhadap nilai-nilai murni dan kemanusiaan) masih lagi relevan sehingga kini.



Rajah 1: Taburan Sukarelawan Berdasarkan Organisasi yang Sama pada Tahun 2016 dan 2017  
 Sumber: Kajian Lapangan

Penubuhan DJKL pada awal tahun 2013 merupakan satu kolektif anak muda yang dipelopori oleh Ezzuandi Ngadi bersama dengan 9 orang pengasas yang lain. DJKL menyediakan makanan kepada golongan gelandangan pada setiap hari minggu sahaja bagi mengelak daripada lambakan NGO yang menyediakan makanan pada hari-hari yang lain. DJKL mempunyai 27 sukarelawan tetap (termasuk ahli jawatankuasa) yang terdiri daripada ahli politik, pelajar, peguam, jurutera, tukang masak dan sebagainya. Bahkan menurut Jannah (ST): “DJKL lebih masyarakat dan tidak bertumpu kepada satu genre. Walaupun ia terdiri daripada pelbagai latar belakang tetapi itu semua tidak menghalang kami semua untuk bergaul mesra tanpa prejudis, meskipun berbeza keyakinan kami tidak menjadikan ia sebagai jurang pemisah bahkan kami sanggup mengetepikan ideologi masing-masing demi bergabung bersama menyediakan makanan untuk gelandangan”. Justeru, tambah Radzi (ST) lagi, “DJKL tidak mengikut hierarki yang rigid dan setiap orang berpeluang untuk melontarkan idea, pendapat dan menjalankan pelaksanaan secara berkumpulan”.

Sukarelawan tetap diberikan tugas setiap minggu berdasarkan jadual yang telah disusun oleh jawatankuasa DJKL mengikut kelapangan masa masing-masing. Antara bidang tugasannya adalah seperti koordinator, tukang masak, membeli barangan masakan, membuat sesi perkongsian, ketua stesen meja utama, ketua stesen air, ketua kebersihan, mengawal barisan, dokumentasi dan pembantu jualan barang *merchandise* DJKL di mana koordinator akan mengetuai operasi pada hari itu dengan membuat pemantauan dan mengawal selia kesemua tugas yang diberikan pada minggu tersebut. Selepas itu, sukarelawan berkumpul pula telah dihadkan kepada 20 orang sahaja bagi mengelakkan daripada berlakunya pembaziran sumber manusia dan ruang Kelab Bangsar Utama (KBU) juga tidak mampu untuk menampung jumlah sukarelawan yang begitu ramai. Hal ini menyebabkan sukarelawan akan terdedah dengan budaya melepak hingga menyebabkan berlakunya ketidakfahaman terhadap sesuatu isu yang diperjuangkan dan kurangnya kerja berpasukan dalam kalangan sukarelawan serta menzahirkan imej yang tidak baik terhadap DJKL, bahkan ia berlawanan dengan konsep sukarelawan itu sendiri!

Tujuan utama penubuhannya bukanlah semata-mata ingin menyelesaikan isu gelandangan atau kemiskinan bandar kerana ia memerlukan campur tangan daripada pelbagai pihak sama ada dari pihak kerajaan mahupun swasta. Nasrul (ST) berpendapat: “Objektif utamanya adalah untuk menyebarkan kesedaran kepada masyarakat bahawa di tengah-tengah kota yang megah ini masih ada golongan yang terpinggir yang melalui liku-liku kehidupan dengan penafian hak yang perlu dituntut bela”. Setelah hampir 4 tahun bergerak secara bebas dan tidak terikat dengan birokrasi tapi akhirnya pada tahun 2017 DJKL telah membuat pendaftaran di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) sebagai badan pertubuhan bukan kerajaan yang sah bagi mengukuhkan lagi struktur pentadbiran seperti dapat melaksanakan sistem pelepasan cukai korporat dan mengelakkan daripada berlakunya penipuan dana sumbangan. Kos operasi DJKL adalah terdiri daripada hasil sumbangan orang awam tetapi pada awalnya dahulu mereka bermula dengan mengeluarkan duit poket sendiri seraya menerima sumbangan peralatan memasak daripada kawan-kawan terdekat.


DJKL juga mempunyai slogan mereka sendiri yang digemakan lewat kain rentang iaitu ‘Makanan Adalah Hak Untuk Semua’ yang sentiasa digantung setiap kali beroperasi di Jalan Panggong. Selain itu, DJKL juga mempunyai dua jenis baju mereka sendiri dengan slogan yang sama di kain rentang dan satu lagi memakai petikan daripada penyair Pyanhabib Rahman iaitu “Kemerderkaan bererti; setiap usus perut rakyat berisi nasi, vitamin & zat besi”. Ia merupakan simbolik gerakan protes secara aman setiap minggu terhadap pihak pemerintah untuk memastikan kerajaan tidak memandang masalah ini bagai melepaskan batuk di tangga dan bagi memastikan bahawa isu ini sentiasa dekat dengan hati nurani masyarakat supaya menzahirkan persepsi yang lebih positif terhadap golongan ini. Seterusnya, DJKL amat berhati-hati dalam penggunaan konsep sebagai asas identiti pembentukan bagi modus operandi mereka, Aisyah yang merupakan bendahari DJKL berpendapat: “DJKL lebih menitikberatkan konsep ‘berkongsi makanan’ berbanding ‘memberi makanan’ bagi memberi kesedaran bahawa semua manusia mempunyai standard yang sama namun yang membezakannya ialah apa yang kita ada sekarang maka jikalau kita ada sesuatu yang lebih, berkongsilah”. Pada hemat penyelidik penggunaan konsep ‘memberi’ juga akan mewujudkan jurang kelas yang berbeza di antara penerima dan pemberi. Bahkan, makanan tersebut bukanlah hak mutlak DJKL tetapi ia merupakan hasil sumbangan daripada orang awam.

Seterusnya, pemilihan Jalan Panggong sebagai tempat perkongsian makanan kerana ia bukannya tempat yang didominasi oleh mana-mana kumpulan gelandangan yang tinggal atau menetap di situ. Selain itu, faktor sejarah Jalan Panggong juga mempengaruhi pemilihan lokasi tersebut yang mempamerkan sisi lama bandar Kuala Lumpur yang asal dengan bangunan-bangunan lama yang masih kekal di sana. Malah terdapat sebuah bangunan pejabat pos yang sudah berusia lebih kurang 107 tahun dan kini telah diubahsuai menjadi sebuah kafe. Maka dengan adanya aktiviti seperti ini ia dapat meninggalkan satu kolektif memori kepada sukarelawan yang hadir ke Jalan Panggong lantas melahirkan rakyat Malaysia yang prihatin terhadap warisan sejarah tanah air.

Operasi penyediaan makanan dilakukan di KBU bertempat di Jalan Kemuja, Off Jalan Bangsar. Operasi DJKL lebih bersifat terbuka di mana ia seakan-akan seperti majlis keramaian di mana golongan gelandangan boleh bersembang dengan sesiapa sahaja sama ada sesama mereka

atau bersama para sukarelawan tanpa sebarang sekatan. Menurut Nasrul (ST): “Ia mengeratkan lagi hubungan dan persefahaman di antara warga miskin kota dengan sukarelawan tetap DJKL mahupun sukarelawan berkumpul”. Kewujudan jurang perhubungan dalam operasi *soup kitchen* terbukti benar apabila menurut Curtis (1997) *soup kitchen* di Delaware, Amerika Syarikat menggunakan istilah klien ataupun penerima dan jurang perhubungan itu lebih ketara apabila mereka mengedarkan makanan melalui *half-wall window* yang memisahkan ruang dapur daripada tempat makan hingga menyebabkan tiada hubungan dan interaksi langsung di antara mereka. Akhirnya, implementasi ini akan mengurangkan pembangunan sosial dan mewujudkan perbezaan kelas, status dan identiti sosial dalam kalangan mereka.

Pada tahun 2013, menu pertama yang menjadi hidangan DJKL adalah capati sebagai proses percubaan namun selepas menerima maklum balas daripada komuniti setempat, DJKL telah menetapkan untuk menyediakan masakan panas yang berkuah kerana ia lebih sesuai dimakan pada sebelah petang dan mampu bertahan sehingga malam serta mengikuti cita rasa mereka. Antara menu pilihan yang disediakan adalah bihun tom yam, mee kari, mee kicap, yee mee, mee sup ayam dan lain-lain di mana menu tersebut akan berubah setiap minggu dan akan ditentukan oleh tukang masak yang bertugas pada minggu tersebut. Selepas itu, dari segi kuantiti makanan pula biasanya DJKL akan menyediakan makanan untuk 150 orang bagi setiap sesi hidangan. Namun sekiranya terdapat lebihan, makanan tersebut akan dibungkus dan diagihkan kepada gelandangan yang memerlukan. Seterusnya, purata kos mingguan pula adalah sebanyak RM195 setiap minggu (rujuk Rajah 2). Adakala, kos operasi mingguan menjadi sangat murah kerana menerima sumbangan makanan daripada orang awam atau menggunakan bekalan lebihan pada minggu yang lepas. Selain itu, kos-kos lain pula melibatkan pembelian ais batu, plastik sampah, sarung tangan dan sebagainya yang secara purata berjumlah RM6.



Rajah 2: Taburan Kos Belanja Mingguan pada Tahun 2017

### Sumber: Kajian Lapangan

Kebiasaannya sukarelawan tetap akan membeli barangan masakan sekurang-kurangnya sehari sebelum operasi penyediaan dan perkongsian makanan dijalankan tetapi sekiranya terdapat sukarelawan berkumpul yang ingin menyumbang bahan masakan dan sukarela untuk membelinya sendiri maka mereka perlu memaklumkan terlebih dahulu semasa mengikuti prosedur pertama penyertaan melalui e-mel. Begitu juga sekiranya sukarelawan berkumpul yang ingin menyumbang menu utama supaya pihak DJKL dapat bersiap sedia untuk menyediakan menu yang lebih ringan seperti sandwich, salad buah, roti dan lain-lain. Selain itu, DJKL juga menerima sumbangan kit kebersihan atau cenderamata daripada para sukarelawan dan kit kebersihan antara sumbangan yang ditunggu-tunggu oleh golongan gelandangan kerana sumbangan tersebut jarang sekali diperolehi oleh mereka. Bahkan pernah berlaku adegan berebut dan kacau-bilau hingga pihak DJKL terpaksa melaksanakan satu sistem yang lebih teratur dengan melantik seorang petugas bagi mengawal keadaan tersebut di bawah bidang tugas kawalan barisan.

Proses memasak bermula pada pukul 2 petang dan berakhir pada pukul 4 petang. Proses itu melibatkan 3 langkah utama iaitu bermula dengan penyediaan bahan masakan, memasak dan membasuh. Manakala pada pukul 4 petang pula akan dijalankan sesi perkongsian bersama sukarelawan berkumpul berkaitan dengan sejarah pembentukan DJKL, kemiskinan bandar dan gelandangan. Perkara ini sangat penting kerana penubuhan *soup kitchen* yang fokus kepada bantuan makanan semata-mata boleh menimbulkan persepsi yang negatif kepada gelandangan seperti malas bekerja dan mengharapkan bantuan orang lain. Hal ini menyebabkan isu-isu penting berkaitan dengan masalah ini seperti faktor hubungan sosial (ketidaksamaan pendapatan, rasuah, kos sara hidup dan etc.) yang menyebabkan wujudnya kemiskinan menjadi kabur. Justeru, dengan adanya perkongsian tersebut sukarelawan akan lebih jelas dengan penubuhan *soup kitchen* sebagai medium kepada institusi-institusi kerajaan dan swasta supaya ia dapat meningkatkan fungsi sesebuah institusi tersebut.


Selesai proses penyediaan makanan di KBU, makanan akan dibawa ke Jalan Panggong pada pukul 5 petang dengan menggunakan van mereka sendiri. DJKL akan membawa makanan yang telah siap dimasak ke Jalan Panggong tanpa melakukan sebarang proses pembungkusan kerana DJKL mengamalkan konsep *be present* di Jalan Panggong itu sendiri. Seterusnya, DJKL tidak mengenakan sebarang prasyarat dalam proses perkongsian makanan kepada gelandangan. Bahkan, sukarelawan, pelancong asing dan orang awam pun dibenarkan untuk menikmati juadah yang disediakan. Menurut Luqman (ST): “Ia bagi menggalakkan perbualan bersama warga miskin kota untuk lebih mengenali dan memahami mereka dengan lebih dekat”. Ia juga dapat mengurangkan jurang hubungan antara kelas di mana sangat jarang kita melihat kelas atasan untuk duduk makan bersama dengan orang miskin tanpa khemah mewah berhawa dingin dalam suatu majlis yang mempunyai kepentingan tertentu. Nasihat Shazni (ST), “Kita semua berada pada kedudukan yang sama lantas tiada seorang pun manusia dalam dunia ini yang hidup di atas pulaunya sendiri”. Justeru, pihak DJKL ingin mengeratkan lagi hubungan yang lebih mesra bersama mereka dengan cuba sebaik mungkin untuk mengurangkan kerenah birokrasi seperti itu kerana mereka mengalami masalah-masalah seperti kehilangan kad pengenalan, tiada alamat tetap dan tidak mempunyai tempat tinggal.




Sukarelawan akan berada di Jalan Panggong hingga pukul 7 petang dengan menjalankan tugas utama iaitu proses menghidang makanan, mencuci dan mengemas. Operasi DJKL terbahagi kepada tiga stesen utama iaitu stesen makanan, minuman dan kebersihan. Makanan berat, ringan, kit kebersihan dan cenderamata akan berada di stesen makanan manakala stesen minuman pula hanya melibatkan minuman yang telah ditetapkan oleh pihak DJKL sahaja. Pasukan pengurusan sisa makanan pula akan ditempatkan di stesen kebersihan dengan menggunakan peralatan mesra alam. Pasukan pengurusan sisa juga mendapat sokongan komuniti sekitar dan bantuan bekalan air daripada Restoran Malaya Hainan dan Kuil Gurdwara Sahib Polis. Proses perkongsian makanan biasanya bermula pada pukul 6 petang di mana DJKL akan meminta gelandangan untuk beratur mengikut jantina kerana ingin memberikan ruang kepada kaum wanita terlebih dahulu. Selepas itu, mereka diberikan kebebasan untuk makan di sekitar kawasan tersebut dan apabila selesai makan mereka diminta untuk memulangkan semula mangkuk yang telah digunakan ke tempat pengurusan sisa. Gelandangan juga boleh membuat penambahan makanan untuk kali yang kedua apabila selesai barisan pertama sekiranya mempunyai lebih makanan.

Pada awal penubuhan, DJKL menggunakan polistirena bagi mengedarkan makanan kepada gelandangan sehinggalah kawan-kawan daripada pengurusan sisa mencadang untuk menggunakan peralatan yang boleh dicuci semula selepas digunakan supaya ia dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar seraya merapatkan lagi hubungan sukarelawan bersama komuniti setempat. Selain itu, ia juga dapat meluaskan lagi aktiviti kesukarelawanan selain daripada proses penyediaan dan pendedaran makanan sahaja. Pasukan pengurusan sisa juga sangat komited membantu DJKL dalam mengurus kebersihan di Jalan Panggong dengan sentiasa mengingatkan sukarelawan untuk memastikan kawasan operasi sentiasa berada dalam keadaan bersih sama ada sebelum, semasa dan selepas operasi perkongsian makanan dijalankan. Justeru, sukarelawan DJKL merupakan orang terakhir yang akan berada di Jalan Panggong bagi memastikan kawasan tersebut berada dalam keadaan bersih dan tidak mengundang kemarahan pihak penguasa dan orang awam sepertimana dakwaan bekas Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Utama Tengku Adnan Tengku Mansor bahawa NGO yang memberi makanan kepada gelandangan merupakan salah satu punca kebersihan bandar tercemar (Ghani, 2014).

Pasukan pengurusan sisa juga melaksanakan dasar pemprosesan semula sisa-sisa makanan. Sisa-sisa makanan itu akan ditimbang sebelum dihantar ke Universiti Malaya (UM) untuk diproses menjadi baja kompos. Data timbangan itu juga digunakan bagi mengenal pasti sama ada makanan tersebut diterima ramai atau tidak. Rajah 3 & 4 membuktikan menu makanan yang disediakan sesuai dimasak kerana berat sisa mingguan tidaklah begitu tinggi iaitu sekitar 3 kg untuk seramai 96 orang gelandangan dengan kos mingguan sebanyak RM195 kecuali pada menu mee sup tomato herbs yang mencecah 8.17 kg kerana menu tersebut merupakan menu baharu yang masih dalam cubaan sebagai pelan penyediaan makanan sihat kepada gelandangan. Selain itu, DJKL juga menerima respon langsung daripada gelandangan sendiri mengenai makanan yang disediakan. Contohnya pada dua tahun lepas, menu parpu telur mendapat respon negatif lantas ia tidak lagi disediakan. Adakalanya mereka juga mengeluh dari segi rasa masakan seperti kurang garam, sangat pedas dan masam serta ada juga yang tidak boleh memakannya berikutan alergik dan isu peribadi. Menu masakan DJKL tidak mengandungi bahan daripada babi dan daging lembu supaya isi kandungan makanan merangkumi cita rasa penduduk secara umum dan menjaga sensitiviti masyarakat setempat.



Rajah 3: Jumlah Komuniti di Jalan Panggong berbanding Sisa Makanan (kg) (17 September 2017 hingga 13 Mei 2018)  
Sumber: Kajian Lapangan



Rajah 4: Kos Belanja Mingguan berbanding Sisa Makanan (kg) (17 September 2017 hingga 13 Mei 2018)  
Sumber: Kajian Lapangan

### Kerjasama DJKL-Kedai Jalanan Universiti Malaya (KJUM)

DJKL mempunyai rangkaian mereka sendiri bagi mengatasi keterbatasan di dalam struktur organisasi mereka dengan bekerjasama bersama KJUM. Perkara ini sangat penting kerana ia akan membentuk satu sistem pengurusan yang lebih teratur bagi mengurangkan

pembaziran sumber. Lantaran itu, adalah lebih baik jika institusi juga mempunyai integrasi yang lebih kukuh bersama NGO yang berkaitan supaya keperluan kebajikan yang lain juga dapat disalurkan kepada golongan yang disasarkan seperti Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) atau dikenali kini sebagai Bantuan Sara Hidup Rakyat, zakat, keperluan kad pengenalan, saringan kesihatan dan lain-lain kerana masih terdapat warga miskin yang tidak dapat menembusi dasar birokrasi negara dalam memperolehi hak kebajikan mereka. Justeru, NGO *soup kitchen* yang sudah mempunyai jalinan hubungan bersama mereka boleh membantu institusi-institusi ini bagi mengenal pasti keberadaan mereka.

KJUM merupakan rakan kolaborasi DJKL yang memfokuskan kepada pengurusan sumbangan pakaian daripada orang awam untuk diedarkan kepada warga miskin. Pada suatu ketika, DJKL pernah menguruskan penerimaan sumbangan pakaian daripada sukarelawan berkumpul tetapi dihentikan kerana kekurangan sumber tenaga manusia jadi dengan adanya kerjasama dengan KJUM yang lebih arif menguruskan sumbangan pakaian dan kit penjagaan diri, DJKL dapat mengutamakan operasi perkongsian makanan mereka. KJUM akan mula mengedarkan sumbangan pakaian di tempat yang sama DJKL beroperasi tetapi KJUM akan bermula lebih awal sedikit iaitu pada pukul 3 petang bagi memberi laluan kepada DJKL untuk operasi mereka seterusnya. Justeru, KJUM hanya beroperasi pada setiap Ahad pada minggu ketiga setiap bulan sahaja kerana keperluan pengagihan pakaian tidak sama sifatnya seperti makanan yang tidak tahan lama. KJUM mempunyai pengurusan kerja yang lebih teratur di mana mereka mempunyai stor pengurusan dan tong kitar semula di beberapa tempat tertentu.

KJUM menjalankan proses penyaringan terlebih dahulu dengan melihat dari segi kualiti hasil sumbangan daripada orang awam kerana hanya barangan yang masih elok sahaja yang akan diagihkan supaya hak orang miskin terjamin. Selepas itu, KJUM akan mengasingkan pakaian lelaki dan wanita serta menggantungkan pakaian tersebut di rak pakaian sepertimana yang dilakukan di kedai-kedai pakaian. Justeru, ia dapat menjalinkan hubungan yang baik bersama komuniti apabila kita melayani mereka dengan beradab tanpa mengenali asal usul mereka masing-masing. Selain itu, gelandangan juga bebas untuk memilih saiz yang bersesuaian dengan mereka tetapi maksimum pakaian untuk setiap orang adalah 3 helai sahaja bagi memberi peluang kepada orang lain yang masih belum menerimanya lantas bagi mengelakkan berlakunya pembaziran sumber.

Selain itu, DJKL dan KJUM juga bekerjasama bagi menjalankan projek tahunan bersama seperti pelaksanaan projek Kelas Jati yang memberi fokus terhadap pendidikan awal anak-anak di Sekolah Kebangsaan Bukit Lanjan, Damansara Perdana dengan memberikan pendidikan percuma kepada mereka. Projek ini telah dilaksanakan pada tahun 2017 yang dilakukan pada setiap hari Sabtu pada pukul 8.30 pagi hingga 11.00 pagi. Projek ini menerapkan konsep 3M iaitu membaca, menulis dan mengira di mana ia mempunyai modul pelajaran yang telah ditetapkan cuma penyediaan latihan sahaja yang berbeza setiap minggu dengan menerapkan aspek bermain sambil belajar supaya para pelajar tidak merasa bosan justeru dapat merapatkan hubungan bagi kedua-dua belah pihak. Kelas Jati juga turut menganjurkan sebuah persembahan teater sebagai majlis penutup program pada tahun 2017 sebelum para pelajar menikmati cuti persekolahan mereka di dewan komuniti tersebut yang berjudul Tujal dan Angin yang dibarisi oleh para pelajar didikan Kelas Jati. Oleh itu, kepelbagaian kerja bakti dalam sesebuah NGO itu dapat

memupuk nilai-nilai murni, membantu meningkatkan rangkaian dan kesedaran dalam kalangan masyarakat.

Seterusnya, DJKL turut menganjurkan pelbagai program yang melibatkan seni dan budaya yang dinamakan sebagai Hari Ke-Bangsar-An dengan aktiviti seperti Bengkel Reka Guna Semula, Sesi Semuka; Karya Seni Pertunjukan, dan Pasar Ria yang merangkumi pelbagai program seperti pasar percuma, *busking*, *screening* dan forum Kembara Seniman Jalanan. Selain itu, DJKL juga mempunyai program tahunan mereka sendiri iaitu Dapur Raya bagi meraikan perayaan Aidilfitri bersama warga miskin kota dengan membawa suasana raya di Jalan Panggong. Program Dapur Raya disambut dengan tema yang berbeza setiap tahun manakala hidangan makanan lebih menerapkan makanan-makanan tradisi hari raya seperti nasi impit, ketupat, rendang, kuih raya dan lain-lain.

Pihak DJKL juga turut mengumpulkan sumbangan makanan daripada pelbagai pihak seperti kuih raya, sate, ais krim, kambing golek dan sebagainya bagi memeriahkan lagi acara. Selepas itu, terdapat pelbagai aktiviti yang dijalankan sepanjang program berlangsung seperti bacaan puisi, persembahan muzik berkumpulan dan karaoke (menerapkan lagu-lagu tradisional), tari menari (eg. joget lambak, tarian bhangra dan tarian naga), aktiviti menganyam ketupat dan lain-lain bagimenggamit nostalgia kepada masyarakat setempat terhadap sejarah tempat tersebut. Program dengan pengisian kreatif seperti inilah yang menyemarakkan lagi perpaduan antara kita. Bak kata Farah: “Di DJKL kemanusiaan berada di luar batas dan kepelbagaian diraikan serta antara penyebab yang membentuk *circle* kita”. Jarang sekali kita melihat suatu perayaan diraikan dengan pelbagai perbezaan budaya, bangsa dan agama. Justeru, perkara ini sangat baik bagi mengembalikan budaya bangsa yang semakin kelam dihanyut arus kemodenan dengan sifat masyarakatnya yang masih lagi tertawan dengan kecelaruan identiti diri.

## CADANGAN DASAR

Isu rakyat semakin mendapat perhatian daripada pelbagai pihak dan ini merupakan satu perkembangan yang baik bagi membentuk negara yang harmoni dan bersatu padu. Namun majoriti sukarelawan masih kurang berminat untuk melibatkan diri dengan kerja bakti secara konsisten. Penyelidik melihat kedatangan mereka adalah sekadar ingin memenuhi syarat kursus universiti dan menyertai program persatuan semata-mata. Selepas itu, terdapat juga projek akhir kursusnya sekadar menyertai aktiviti kesukarelawanan tanpa sebarang proses pengumpulan maklumat dan penyediaan laporan. Lantaran itu, peranan DJKL sangat penting bagi melahirkan sukarelawan yang berkualiti dan berfikiran kritis dengan bekerjasama dengan sukarelawan berkumpulan dalam menggalakkan mereka untuk menyediakan laporan berkaitan dengan aktiviti tersebut. Justeru, DJKL perlu menyediakan platform *pool volunteer* untuk mengumpul para sukarelawan yang berminat untuk menjadi sukarelawan tetap supaya dapat memberikan pendedahan terhadap isu yang diperjuangkan oleh NGO tersebut dengan lebih mendalam kerana sesuatu kajian yang dijalankan mengambil masa yang lama dan bukannya sekadar menyertai sekali itu sahaja.

Seterusnya, mengadakan hubungan kerjasama yang baik dengan pihak universiti bagi menyusun program sukarelawan berkala yang telah ditetapkan berdasarkan takwim universiti supaya ia memudahkan pergerakan DJKL dari segi pengambilan sukarelawan kerana hasil kajian

menunjukkan penglibatan sukarelawan dipengaruhi oleh program persatuan universiti dan kerja kursus. Justeru, ia juga memudahkan proses birokrasi dan pencarian sukarelawan berkumpul pada setiap minggu. Selain itu, DJKL boleh membentuk satu modul pembelajaran bersama pihak universiti. Hal ini kerana kebanyakan tugas daripada para pelajar hanya melibatkan sebelah pihak sahaja di mana tiada sebarang perkongsian atau transaksi ilmu yang berlaku setelah mereka menyiapkan tugas tersebut. Justeru, hubungan kedua-dua belah pihak ini sangat penting bagi menghasilkan kertas kerja yang baik supaya sukarelawan yang hadir dapat melakukan tugas yang sesuai dengan perkembangan semasa dengan mengutamakan pernyataan masalah yang terkini.

Berdasarkan hasil pemerhatian dan statistik yang diperolehi menunjukkan DJKL masih mengalami masalah pengurusan data kerana kekurangan tenaga sumber manusia yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut. Bahkan pada awal penubuhan pun tiada proses pengumpulan data yang dilakukan secara terperinci ke atas sukarelawan dan gelandangan. Walaupun DJKL gemar bersebang dengan para gelandangan dan sentiasa menerima kedatangan sukarelawan berkumpul tetapi tiada proses pengumpulan data secara lisan dilakukan untuk dijadikan rujukan pada masa akan datang. Justeru, data sukarelawan yang diperolehi hanya bermula daripada tahun 2016 hingga 2018 tetapi kesemua data tersebut tidak lengkap sepenuhnya kerana terdapat bahagian-bahagian tertentu yang tidak dilengkapkan manakala data berkaitan dengan gelandangan pula bermula daripada tahun 2017 dan 2018 sahaja.

Akhir sekali, DJKL perlu menubuhkan sebuah unit khas bagi menguruskan data secara konsisten dan sistematik dengan menyediakan latihan bersama para sukarelawan tetap atau membuat pengambilan ahli baru yang berminat dalam kemahiran pengurusan data. Jikalau DJKL tiada tenaga pengajar yang pakar dalam kemahiran tersebut mereka boleh bekerjasama dengan penyelidik universiti yang sedang menjalankan kajian berkaitan dengan isu itu dengan menyediakan medium kepada mereka dan pada masa yang sama pihak DJKL boleh menimba ilmu untuk melaksanakan proses pengumpulan data dengan baik. Oleh itu, modus operandi ini sangat penting bagi membantu merapatkan jurang peranan di antara institusi dan NGO bagi memudahkan proses kajian dilakukan pada masa akan datang.

## **KESIMPULAN**

Implementasi modus operandi NGO dan pembentukan budaya sukarelawan perlu diberikan penelitian yang lebih mendalam bagi melahirkan sukarelawan yang lebih kritis. Selain itu, kajian berkaitan dengan etnografi juga masih lagi kurang dilakukan oleh para penyelidik di Malaysia kerana masih terdapat banyak lagi NGO yang masih belum diterokai oleh para penyelidik jika dibandingkan dengan negara-negara maju yang banyak membuat kajian mengenai etnografi NGO secara lebih terperinci dengan pengumpulan data yang sistematik. Maka adalah suatu usaha yang sangat penting supaya perbandingan etnografi di antara NGO dapat dikaji dengan lebih mendalam. Perkara ini mustahak bagi meningkatkan kualiti pengurusan NGO di Malaysia. Selain itu, ia juga dapat membentuk persepsi masyarakat ke arah yang lebih optimis dalam menangani masalah sosial yang berlaku. Pembentukan persepsi ini sangat penting



sepertimana yang telah terbukti melalui perjuangan persepsi ia mampu melahirkan 'Malaysia baru' pada hari ini.

### *Penghargaan*

Terima kasih diucapkan kepada pihak Dapur Jalanan Kuala Lumpur kerana membiayai kos pengurusan dan membantu menyediakan data bagi penulisan artikel ini.

### **RUJUKAN**

- Anheier, H. K., & Salamon, L. M. (1999). Volunteering in Cross-National Perspective: Initial comparisons. *Law and Contemporary problems*, 62(4), 43-65.
- Bahari, A. (2004). *Menghayati kerja sukarela*. Qarya.
- Babbie, E., & Mouton, J. (2001). *The Practice of Social Research* (Cape Town: Oxford University Press South Africa).
- Bernamea (2017, April 26). *Pengarah kanan YaPEIM direman Kes Pecah Amanah*. Retrieved August 13, 2018, from Free Malaysia Today: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/04/26/pengarah-kanan-yapeim-direman-kes-pecah-amanah/>.
- Clary, E. G., & Snyder, M. (1999). The Motivations to Volunteer: Theoretical and Practical Considerations. *Current directions in psychological science*, 8(5), 156-159.
- Curtis, K. A. (1997). Urban Poverty and the Social Consequences of Privatized Food Assistance. *Journal of Urban Affairs*, 19(2), 207-226.
- Department of Statistics Malaysia. (2020). *The Key Findings: Income, Poverty, Inequality, Expenditure, Basic Amenities*.
- Doolan, K., Cepić, D., & Walton, J. F. (2019). Charity's dilemmas: An Ethnography of Gift-Giving and Social Class in Croatia. *Journal of Organizational Ethnography*.
- Fine, G. A. (2003). Towards a Peopled Ethnography: Developing Theory from Group Life. *Ethnography*, 4(1), 41-60.
- Finkelstein, M. A., & Brannick, M. T. (2007). Applying Theories of Institutional Helping to Informal Volunteering: Motives, Role Identity, and Prosocial Personality. *Social Behavior and Personality: an international journal*, 35(1), 101-114.
- Ghani, M. S. A. (2014, Julai 5). *Kementerian, NGO 'Soup Kitchen' Jumpa Selasa ini*. Retrieved Julai 3, 2018, from Sinar Harian: <http://www.sinarharian.com.my/nasional/kementerian-ngo-soup-kitchen-jumpa-selasa-ini-1.296654>.
- Hann, C. (2014). The Economistic Fallacy and Forms of Integration Under and After Socialism. *Economy and Society*, 35(4), 626-649.
- Hammersley, M. (2007). Ethnography. *The Blackwell encyclopedia of sociology*.
- Kechara. (n.d.). Retrieved August 23, 2020, from Kechara: <https://www.kechara.com/about/what-is-kechara/>.
- Keempat, K. D. E. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Macionis, J. J., & Gerber, L. M. (2011). *Sociology (7th Canadian ed.)*. Toronto, Ontario, Canada: Prentice Hall.
- Manis. (2016). *Perbezaan Orang Papa dan Gelandangan*. Retrieved June 28, 2018, from <https://manis.kpwkm.gov.my/manis/#/app/informasi/5>.

- Miller, D. L., Creswell, J. W., & Olander, L. S. (1998). Writing and Retelling Multiple Ethnographic Tales of a Soup Kitchen for the Homeless. *Qualitative Inquiry*, 4(4), 469-491.
- Muhammad, I. H. (2014). *Budak Beca*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Musarò, P. (2013). Food Consumption and Urban Poverty: An Ethnographic Study. *Italian Sociological Review*, 3(3).
- Musick M, Wilson J (2003) Volunteering and Depression: The Role of Psychological and Social Resources in Different Age Groups. *Social Science and Medicine* 56(2), 259-269.
- Oesterle, S., Johnson, M. K., & Mortimer, J. T. (2004). Volunteerism During the Transition to Adulthood: A life Course Perspective. *Social Forces*, 82(3), 1123-1149.
- Okun, M. A., & Schultz, A. (2003). Age and Motives for Volunteering: Testing Hypotheses Derived from Socioemotional Selectivity Theory. *Psychology and Aging*, 18(2), 231.
- Omoto, A. M., Snyder, M., & Martino, S. C. (2000). Volunteerism and the Life Course: Investigating Age-Related Agendas for Action. *Basic and applied social psychology*, 22(3), 181-197.
- Poppendieck, J. (1994). Dilemmas of Emergency Food: A guide for the Perplexed. *Agriculture and Human Values*, 11(4), 69-76.
- Sham, M. S. M., & Selvaratnam, D. P. (2018). Strategi Kelangsungan Hidup Gelandangan di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur. *Sains Humanika*, 10(2).
- Van Maanen, J. (1988). *Tales of the Field: On Writing Ethnography*. Chicago: University of Chicago Press.
- Wolcott, H. F. (1994). *Transforming Qualitative Data: Description, Analysis, and Interpretation*. Sage.
- Yeoh, S. G. (2017). The World Class City, the Homeless and Soup Kitchens in Kuala Lumpur. *Current Sociology*, 65(4), 571-586.
- Za'aba, Z. A. A. (2015). *Mencapai Ketinggian Dunia Akhirat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zhang, H. X., & McWhinney, J. (2012). *Working with the Homeless: The Case of a Non-Profit Organisation*.